



PERATURAN PAKAIAN



PENAMPILAN PELAJAR

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



LG
173
.M44
.P47
2007
ra

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

<http://www.utm.edu.my>

PERATURAN PAKAIAN DAN PENAMPIILAN PELAJAR UTeM

ra

LG173.M44 .P47 2007



0000042325

Peraturan pakaian & penampilan pelajar / Universiti
Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

BHG.	PERKARA	HALAMAN
A	LATAR BELAKANG	1
B	ETIKA BERPAKAIAN DAN PENAMPIILAN	2
C	PENGUATKUASAAN <i>جامعة ملاكا</i> UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA	4
D	RASIONAL PERATURAN	6
E	KOD PAKAIAN MENGIKUT AKTIVITI / PROGRAM	9

A) Latar Belakang

Peraturan ini dibuat dan dikeluarkan adalah berdasarkan kehendak Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Kaedah-Kaedah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2007.

Ianya bertujuan untuk memberi garis panduan berkaitan tatacara berpakaian dan penampilan yang sebenar dan sesuai agar dipatuhi oleh para pelajar UTeM. Peraturan ini juga bertujuan untuk memartabatkan UTeM dalam membentuk imej personaliti unggul di kalangan pelajar selain memelihara nama baik universiti. Peraturan-peraturan ini diharap dapat membina sahsiah dan peribadi intelek di dalam diri setiap pelajar di samping mewujudkan suasana kampus yang menjawai kesopanan, keharmonian dan disiplin selaras dengan kedudukan UTeM sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang sentiasa dilihat oleh masyarakat sebagai model dalam pembinaan insan yang berkualiti untuk menyumbang kepada pembangunan, agama, bangsa dan negara.

B) Etika Berpakaian dan Penampilan

1. Peraturan Am

- 1.1 Setiap pelajar dikehendaki mempamerkan kad matrik pada pakaian mereka di bahagian yang mudah dilihat sepanjang berada di dalam kampus.
- 1.2 Setiap pelajar dilarang memakai pakaian atau aksesori yang bertentangan dengan hukum Islam, adab kesopanan orang timur atau melambangkan sebarang pertubuhan atau kumpulan tertentu yang boleh mengakibatkan ketenteraman universiti terganggu dan menimbulkan ketidak harmonian di kalangan para pelajar di dalam kampus kecuali atas sebab-sebab tertentu dan telah mendapat kebenaran daripada Naib Canselor atau Dekan Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni.
- 1.3 Setiap pelajar dilarang mempamerkan sebarang unsur yang bertentangan dengan moral yang baik atau mengandungi reka bentuk, gambar, perkataan atau frasa yang tidak diingini dari segi nilai atau norma yang mulia dan baik.
- 1.4 Setiap pelajar dilarang sama sekali mempamerkan *tattoo* di mana-mana bahagian anggota tubuh badan.
- 1.5 Setiap pelajar adalah tertakluk kepada syarat-syarat pakaian yang ditetapkan di bawah peraturan makmal atau mana-mana peraturan di tempat-tempat atau pusat-pusat di dalam kampus yang mempunyai peraturannya sendiri.

2. Penampilan Pelajar Lelaki

- 2.1 Setiap pelajar hendaklah berpakaian yang sesuai sebagai seorang pelajar universiti iaitu kemas (tuck-in) sopan, rapi dan ceria (baju kemeja, T-berkollar, berseluar panjang, berkasut dan berstokin) terutama ketika berada di bilik kuliah / makmal / perpustakaan / pejabat/ pusat / kafeteria dan di luar bilik kediaman. Pelajar dilarang memakai topi ketika di bilik kuliah, makmal, perpustakaan, berurusan dengan pejabat di universiti dan majlis rasmi universiti.
- 2.2 Setiap pelajar hendaklah berambut pendek, kemas, tidak terlalu tebal, tidak diwarnakan, berekor, berfesyen keterlaluan, tidak menutupi mata / telinga dan tidak mencecah kolar baju.(sila rujuk gambarajah)
- 2.3 Memakai seluar panjang yang bersih, kemas, sopan, tidak berlubang / koyak / lusuh. Seluar jeans tidak dibenarkan sama sekali. Kerja-kerja amali dan bengkel tertakluk di bawah peraturan yang ditetapkan Fakulti.
- 2.4 Memakai pakaian sukan yang sesuai semasa aktiviti sukan atau rekreatif.
- 2.5 Pelajar lelaki dilarang berpakaian / berpenampilan menyerupai perempuan.

3. Penampilan Pelajar Perempuan

- 3.1 Setiap pelajar hendaklah berpakaian yang sesuai sebagai seorang mahasiswi universiti iaitu kemas, sopan rapi dan ceria (baju kurung, kebaya labuh,

kebarung atau pakaian etnik masing-masing yang sesuai, kemas) terutama ketika berada di ruang kuliah / makmal / perpustakaan / pejabat / pusat / kafeteria dan di luar bilik kediaman.

3.2 Setiap pelajar hendaklah memakai pakaian yang tidak ketat (mempamerkan susuk tubuh), mendedahkan tubuh badan, berfesyen keterlaluan, menutup muka, menjolok mata, antaranya seperti berikut :

- berskirt di atas paras lutut
- berseluar pendek / *tight-fit*
- berbaju T tanpa kolar
- berbaju tanpa lengan
- berselipar
- berpurdah

3.3 Setiap pelajar hendaklah berambut kemas dan rapi, tidak diwarnakan, berekor dan berfesyen keterlaluan.

3.4 Memakai pakaian sukan yang sesuai semasa aktiviti sukan atau rekreasi.

3.5 Memakai alat solek, aksesori dan pewangi secara sederhana.

3.6 Memakai kasut yang menutupi jari kaki, lereng kaki dan tumit.

3.7 Pelajar perempuan dilarang berpakaian / berpenampilan menyerupai lelaki.

C) Penguatkuasaan

1. Tempat Dikuatkuasakan

1.1 Penguatkuasaan peraturan hendaklah berlaku di tempat-tempat seperti berikut :

- Semua kawasan / bahagian kampus
- Di tempat peperiksaan / ujian dijalankan
- Di tempat aktiviti / program anjuran universiti

2. Agen Penguatkuasa

2.1 Semua staf bertanggungjawab memberi kerjasama penuh di dalam memastikan pematuhan dan penguatkuasaan peraturan-peraturan universiti terlaksana. Sebarang perlanggaran peraturan oleh pelajar hendaklah ditangani secara bijaksana dan berhemah. Jika perlu, ianya hendaklah dilaporkan kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni untuk rekod dan tindakan lanjut. Tanggungjawab staf di dalam penguatkuasaan peraturan ini adalah seperti berikut :

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

- Staf Akademik
 - diberi kuasa memberi amaran dan menghalang pelajar yang tidak mematuhi peraturan daripada memasuki kuliah / makmal dan semasa aktiviti Fakulti.
- Staf Pentadbiran
 - diberi kuasa memberi amaran dan menghalang pelajar yang tidak mematuhi peraturan daripada

memasuki / berurusan atau menggunakan kemudahan-kemudahan universiti.

- Staf Keselamatan
- diberi kuasa menyoal selidik, memberi amaran, dan menghalang pelajar yang tidak mematuhi peraturan daripada memasuki atau meninggalkan universiti.

3. Kaedah Penguatkuasaan

3.1 Bagi kesalahan pertama :

- Beri amaran lisan dan rekod kesalahan

3.2 Bagi kesalahan kedua dan seterusnya :

- Rekod kesalahan dan lapor ke Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

D) Rasional Peraturan

Peraturan ini dibuat dan dikeluarkan adalah berdasarkan kehendak Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Kaedah-Kaedah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2007. Sehubungan dengan itu, pematuhan dan penguatkuasaannya perlulah dititikberatkan bersama agar para pelajar yang dihasilkan nanti mempunyai sahsiah rupa diri dan personaliti yang mantap dan menepati kehendak agama, bangsa dan negara.

Seperkara berkaitan, perlanggaran peraturan yang digariskan ini, pelajar boleh disabitkan hukuman berdasarkan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Kaedah-Kaedah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2007 Bahagian II Tatatertib Am Kaedah 3 (a), (b) dan Kaedah 26 iaitu :

3. Seseorang pelajar tidak boleh –

- (a) *menjalankan urusannya, sama ada di dalam Kampus atau di luar Kampus, dalam apa-apa cara yang merosakkan atau memudaratkan -*
 - (i) *kepentingan, kesejahteraan atau nama baik Universiti, mana-mana pelajar, staf, pegawai atau pekerja Universiti; atau*
 - (ii) *ketenteraman atau kesalahan awam, moral, kesopanan atau tatatertib;*
- (b) *mencabuli apa-apa peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, sama ada di dalam Kampus atau di luar Kampus.*

26. Jika seseorang pelajar melanggar apa-apa arahan, petunjuk atau kehendak yang sah yang diberikan atau dibuat oleh mana-mana pegawai atau pekerja Universiti yang diberi kuasa untuk memberi atau membuat arahan atau kehendak itu di dalam Kampus, pelajar itu melakukan suatu kesalahan tatatertib.

Maka jika sabit kesalahan bagi tuduhan di atas, pelajar boleh dihukum mengikut Kaedah 48 iaitu :

Seseorang pelajar yang melakukan suatu kesalahan tatatertib dibawah Kaedah-Kaedah ini dan didapati bersalah bagi kesalahan itu boleh dikenakan mana-mana satu atau mana-mana gabungan dua atau lebih hukuman yang sesuai yang berikut :

- (a) amaran;
- (b) dilarang berada atau memasuki mana-mana bahagian tertentu Kolej Universiti bagi tempoh yang ditetapkan;
- (c) denda tidak kurang dari satu ratus ringgit dan tidak melebihi satu ribu ringgit;
- (d) digantung daripada menjadi seorang pelajar Universiti bagi tempoh yang ditetapkan;
- (e) dibuang dari Universiti.

Peraturan ini adalah tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.

Penguatkuasaan adalah serta-merta.


1 Julai 2007
Dikeluarkan Oleh
Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

E) Kod Pakaian Mengikut Aktiviti / Program





Aktiviti / Program	Kuliah/Perpustakaan/ Peperiksaan/Pejabat	Kerja Bengkel/Makmal Amali/Praktikal
Pelajar Lelaki	Kad Matrik Baju Kemeja Baju T Berkolar Baju Korporat Seluar Slack Panjang Kasut & Stokin	Kad Matrik Baju Kemeja Baju T Berkolar Baju Uniform Seluar Slack Panjang Seluar Jeans Panjang Kasut & Stokin
Pelajar Perempuan	Kad Matrik Baju Kemeja Lengan Panjang Baju Kurung Baju Kebaya Labuh Baju Kebarung Blaus / Jubah Seluar Slack Panjang Skirt Labuh Kasut & Stokin	Kad Matrik Baju Kemeja Lengan Panjang BajuT Berkolar Lengan Panjang Baju Uniform Seluar Slack Panjang Skirt Labuh Kasut & Stokin

Sukan/Rekreasi/Riadah Gotong-Royong	Rasmi/TidakRasmi Universiti (Dalaman)	Rasmi/TidakRasmi Universiti (Luaran)
Baju T Baju Uniform Baju Sukan / Jersi Topi / Bandana	Kad Matrik Baju Kemeja Baju T Berkolar Pakaian Kebangsaan Lounge Suit	Kad Matrik Baju Kemeja Baju T Berkolar Pakaian Kebangsaan Lounge Suit
Seluar Track Bottom Seluar Uniform	Seluar Slack Panjang	Seluar Slack Panjang
Kasut Sukan & Stokin	Kasut & Stokin	Kasut & Stokin
Baju T Lengan Panjang Baju Uniform Baju Sukan / Jersi Topi / Bandana	Kad Matrik Baju Kemeja Lengan Panjang Baju Kurung Baju Kebaya Labuh Baju Kebarung Blaus / Jubah	Kad Matrik Baju Kemeja Lengan Panjang Baju Kurung Baju Kebaya Labuh Baju Kebarung Blaus / Jubah
Seluar Track Bottom Seluar Uniform	Seluar Slack Panjang Skirt Labuh	Seluar Slack Panjang Skirt Labuh
Kasut Sukan & Stokin	Kasut & Stokin	Kasut & Stokin


CONTOH PAKAIAN SUKAN PELAJAR





CONTOH POTONGAN RAMBUT PELAJAR




CONTOH PAKAIAN PELAJAR LELAKI



CENTAH PAKAIAN PELAJAR PEREMPUAN



جامعة تكنولوجيا ملاكا
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Perpustakaan
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Hubungi:

Phone: 06-3316822 | Fax: 06-3316811
<http://library.utem.edu.my>



اوینیورسیتی تکنیکال ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PERPUSTAKAAN
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

0000042325

06 FEB 2008